

Kemasukan pelabur AS dijangka bertambah

BH 17 MAY 2002

KUALA LUMPUR, Khamis – Kemasukan pelabur dari Amerika Syarikat ke negara ini dijangka meningkat berikutan pemulihan hubungan politik antara kerajaan kedua-dua negara.

Presiden Dewan Perniagaan Amerika-Malaysia (Amcham) yang baru, Timothy Garland, berkata pertemuannya dengan Presiden George W Bush dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sudah pasti mempengaruhi suasana perniagaan kedua-dua negara.

“Keadaan ini akan meyakinkan lagi pelabur untuk terus melabur di Malaysia bukan saja dalam pelaburan langsung asing (FDI), malah pelbagai sektor lain seperti perkhidmatan.

“Peniaga Amerika gembara melihat hubungan baik antara Bush dan Dr Mahathir. Buat masa ini, Malaysia adalah antara rakan dagang utama Amerika,” katanya.

Pada pertemuan bersejarah di Rumah Putih Selasa lalu, Bush dan Dr Mahathir melahirkan keyakinan hubungan politik Malaysia-Amerika yang

terjejas untuk beberapa tahun kebelakangan ini, kini akan bergerak di landasan lebih mantap untuk kebaikkan bersama.

Kedua-dua pemimpin menyatakan mereka menghargai hubungan yang lebih akrab antara Malaysia-Amerika kerana ia boleh membawa kepada kerjasama erat dalam pelbagai bidang untuk kepentingan bersama.

Garland berkata, dengan ekonomi Amerika Syarikat sendiri yang sudah mula berkembang, ia pasti memberi kesan positif kepada Malaysia.

Pengarah Eksekutif Pusat Penyelidikan Strategik Malaysia (MSRC), Abdul Razak Baginda, pula berkata lawatan Perdana Menteri ke Washington amat penting bukan saja untuk meningkatkan hubungan dua hala, malah global.

Katanya, ini kerana isu keganasan yang mereka bincang adalah isu sejagat dan keadaan itu meletakkan hubungan Malaysia-Amerika berada pada tahap antarabangsa, bukan setakat hubungan dua hala.